

Khasiat tinggi darah belangkas

KOSMO 2/7/07 ms 3

Oleh RADZUAN HASSAN
radzuan@kosmo.com.my

KOTA BHARU - Tiada ramai yang tahu belangkas sebenarnya bernilai tinggi, malah daharnya mencecah AS\$5,000 (RM17,500) seliter di Amerika Syarikat.


Semuanya ekoran khasiat pada darah belangkas dikatakan menjadi penawar pelbagai penyakit, daripada diabetes hinggalah kemampuannya menegesan virus dan toksin.

Disebabkan kepentingan itu, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) akan mempelopori kajian tempatan mengenai khasiat darah belangkas dengan matlamat menjadikan Malaysia negara pembekal utama.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapha Mohamad berkata, kajian UMT yang turut terlibat dalam usaha memasarkannya secara komersial.

"UMT akan mengkaji cara saintifik mengeluarkan darah daripada belangkas dan ia akan dipelihara bagi mengekalkan keperluannya bagi dikomersialkan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menjadi saksi pada majlis menandatangani perjanjian per-



PELAJAR UMT, Busra Ibrahim menunjukkan belangkas yang menghasilkan Kit Antitoksin di Kota Bharu semalam.

sefahaman antara UMT dengan Koperasi Industri Desa Islam Kelantan Berhad (KIDIKB) di sini semalam.

Pada majlis itu KIDIKB diwakili oleh pengerusinya, Da-

tuk Dr. Illias Hussin sementara UMT diwakili oleh Naib Canselornya, Datuk Prof. Dr. Sulaiman Md Yassin.

Sulaiman berkata, kajian Institusi Akuakultur Tropika

UMT itu mendapati darah belangkas boleh dijadikan penawar diabetes dan beberapa jenis penyakit lain yang masih di peringkat awal penyelidikan.